

08/11/1997

Swasta bantu jualan amal Aids

Rohaniza Idris

YAYASAN Aids Malaysia di bawah pimpinan Datin Paduka Marina Mahathir akan mengadakan jualan amal bagi membantu pesakit Aids di seluruh negara yang akan diadakan di Galeri Isetan, Lot 10, Jalan Sultan Ismail Kuala Lumpur mulai 11 November sehingga 15 Disember ini.

Jualan amal yang bertajuk 'Objects of Desire' julung kali diadakan di negara ini adalah bertujuan mengisi tabung pesakit Aids dengan mengumpulkan beberapa syarikat usaha sama di Malaysia seperti Isetan, Harley Davidson, Fujitsu, Sony, Le Salon dan Shangri-La.

Menurut Marina Mahathir, program ini menjadi medan untuk orang ramai membeli sambil menderma supaya orang ramai tidak mengasingkan pesakit Aids serta pembawa HIV dan mengubah pandangan negatif terhadap golongan ini.

"Sumbangan dalam bentuk wang ringgit dapat mengukuhkan lagi kewangan yayasan supaya program dan kempen membantu pesakit Aids berjalan lancar." katanya.

Menurut penyelaras projek, J Richard Hsu, sebahagian daripada wang jualan akan dimasukkan dalam tabung bantuan pesakit Aids, manakala syarikat yang terbabit akan mendapat pulangan dalam bentuk pusingan modal.

"Koleksi barangan yang terbabit dengan jualan amal ini mewakili beberapa kategori seperti pakaian, perabot, barangan elektrik, aksesori, barang hiasan rumah, pakej percutian dan baucer perayaan krismas."

"Di samping itu, harga bagi setiap kategori barangan adalah mengikut tiga kategori iaitu mahal, sederhana dan murah supaya semua golongan masyarakat dapat memberikan sumbangan kepada tabung ini," katanya.

Antara barang yang dipamerkan untuk jualan amal ini termasuklah kereta Mercedes berharga RM470,000, tiga motosikal berkuasa besar Harley Davidson setiap satu berharga RM119,300, kamera digital Sony berharga RM2,288 dan pelbagai lagi yang mewakili setiap kategori koleksi barangan.

Selain itu, 32 topeng yang menarik sumbangan pelajar sebuah kolej swasta di Bandar Sunway yang setiap satu menampilkan tema tersendiri berkaitan tema jualan amal itu.

Jualan amal ini akan dirasmikan Marina Mahathir 11 November ini jam 7.30 pagi.

Di samping itu, jualan amal ini akan diteruskan di Restoran Bonton, Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur mulai 17 Disember sehingga 15 Januari 1998.

(END)